

**TEKS UCAPAN  
Y.A.A. TUN RAUS SHARIF  
KETUA HAKIM NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH  
PELANTIKAN HAKIM MAHKAMAH  
PERSEKUTUAN, HAKIM MAHKAMAH  
RAYUAN DAN HAKIM MAHKAMAH  
TINGGI**

**30 APRIL 2018 (ISNIN) 10.00 PAGI**

**DEWAN PERSIDANGAN  
ISTANA KEHAKIMAN**

**Bismillahirrahmanirahim**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

**Yang Amat Arif Tan Sri Dato' Seri Zulkefli Ahmad Makinudin  
Presiden Mahkamah Rayuan dan isteri, Yang Berbahagia  
Puan Sri Dato' Indera Rohani Mohamed Kassim;**

**Yang Amat Arif Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Haji Maarop,  
Hakim Besar Malaya;**

**Yang Amat Arif Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard  
Malanjam,  
Hakim Besar Sabah dan Sarawak**

**Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin  
Ali, Peguam Negara dan isteri, Yang Berbahagia Puan Sri  
Dato' Sri Faridah Begum binti K.A. Abdul Kader**

**YA Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan  
dan Mahkamah Tinggi**

**Ahli-Ahli Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman**

**Yang Berbahagia Dato' Sri Latifah binti Haji Mohd Tahar**

Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

**Yang Berusaha Tuan Wan Khairilanwar bin Wan Muhammad**

Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman

**Barisan Pengurusan Tertinggi**

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

Tetamu Kehormat dan wakil-wakil Media,

Pegawai-pegawai Kehakiman,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, marilah sama-sama kita memanjatkan lafaz syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama hadir pada **Majlis Penyampaian Watikah dan Angkat Sumpah dan Taat Setia, Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi.**

2. Bagi pihak Badan Kehakiman saya menjunjung kasih atas limpah perkenan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong, Sultan Muhammad ke-V atas pelantikan:

- (i) **Yang Arif Datuk David Wong Dak Wah,**
- (ii) **Yang Arif Dato' Rohana binti Yusuf, dan**
- (iii) **Yang Arif Dato' Setia Haji Mohd Zawawi bin Salleh,**  
sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan;

- (i) **Yang Arif Datuk Stephen Chung Hian Guan,**
- (ii) **Yang Arif Datuk Hanipah binti Farikullah; dan**
- (iii) **Yang Arif Datuk Wira Kamaludin bin Md Said**  
sebagai Hakim Mahkamah Rayuan;

- (i) **Yang Arif Puan S.M. Komathy a/p Suppiah,**
- (ii) **Yang Arif Dato' Indera Haji Ab Karim bin Hj Ab Rahman,**
- (iii) **Yang Arif Datuk Wong Kian Kheong,**
- (iv) **Yang Arif Dr. Choo Kah Sing,**
- (v) **Yang Arif Dato' Ahmad bin Bache,**
- (vi) **Yang Arif Datuk Mohd Firuz bin Jaffril,**
- (vii) **Yang Arif Datuk Mairin bin Idang @ Martin; dan**
- (viii) **Yang Arif Dr. Haji Alwi bin Haji Abdul Wahab**  
sebagai Hakim Mahkamah Tinggi.

3. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, kerana telah menerima cadangan **Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman** berkaitan dengan pelantikan ini.
4. Pada kesempatan ini, saya bagi pihak Badan Kehakiman ingin mengucapkan **setinggi-tinggi tahniah** kepada Yang Arif-Yang Arif atas pelantikan ini. Sudah tentunya pelantikan Yang Arif-Yang Arif pada hari ini akan terlakar sebagai kenangan manis yang semestinya diraikan bersama keluarga dan sahabat handai.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

5. Dengan pelantikan pada hari ini, jumlah Hakim wanita di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan akan bertambah manjadi **lima Hakim wanita** daripada 16 Hakim Mahkamah Persekutuan dan **12 Hakim wanita** daripada 25 Hakim Mahkamah Rayuan.

6. Ini adalah satu perkembangan yang membanggakan. Saya percaya, jika trend ini berterusan, saya dapat bayangkan dalam tempoh yang terdekat, salah satu daripada empat jawatan tertinggi Badan Kehakiman Malaysia akan disandang oleh wanita. Malah tidak mustahil keempat-empat jawatan tersebut akan dipenuhi oleh Hakim wanita. InsyaAllah.
7. Sehubungan dengan itu, perlu saya nyatakan bahawa pelantikan dan kenaikan pangkat Hakim wanita bukan untuk memenuhi sebarang kuota. Sebaliknya, pelantikan dan kenaikan pangkat seseorang Hakim adalah berdasarkan merit dan prestasi seseorang Hakim itu.
8. Dengan itu, saya ingin mengingatkan para Hakim untuk meningkatkan prestasi dan menambah ilmu tentang undang-undang kerana undang-undang tidak bersifat statik. Pembelajaran mengenainya harus berterusan.
9. Pada hemat saya, inilah cabaran setiap hakim. Untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna, setiap hakim perlu memastikan ilmu dan kepakarannya sentiasa ditingkatkan. Ini adalah kerana ekspektasi masyarakat kini terhadap sistem kehakiman negara amat tinggi. Masyarakat sentiasa ingin melihat setiap kes yang

dibawa ke Mahkamah dapat diselesaikan dengan cepat, adil dan saksama, diiringi dengan alasan penghakiman yang bermutu tinggi.

10. Menurut **Socrates**, ahli Falsafah Yunani, terdapat empat kualiti kehakiman asas yang perlu ada pada seseorang hakim iaitu:

*"to hear courteously, to answer wisely, to consider soberly, and to decide impartially."*

11. Besarlah harapan saya agar semua Hakim di negara ini mempunyai dan memperbaiki kualiti kehakiman asas masing-masing. Ini penting dalam usaha Badan Kehakiman untuk meraih persepsi positif masyarakat terhadap kita.
12. Mengenai kewajipan berlaku adil, marilah kita sesama sendiri mengingatkan diri kita untuk sentiasa sabar dan bersedia memberi peluang kepada pihak-pihak mengemukakan keterangan dan hujah-hujah mereka. Sabar merupakan salah satu kualiti yang dituntut daripada seseorang Hakim. Hakim hendaklah dengan penuh sabar mendengar dengan minda yang terbuka, iaitu tanpa prejudis kepada mana-mana pihak. Walaupun Mahkamah

mempunyai sasaran tempoh masa (*time line*) untuk menyelesaikan sesuatu kes, jangan nafikan hak pihak-pihak untuk mengemukakan keterangan dan juga jangan hendaknya kita nafikan peguam atau Timbalan Pendakwa Raya dan peguam-peguam dari Jabatan Peguam Negara dari mengemukakan penghujahan mereka. Pihak-pihak hendaklah diberi pendengaran yang adil. Jangan sesekali nafikan hak mereka untuk didengar.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

13. Seperti yang sering saya nyatakakan dalam ucapan saya, dalam penyediaan alasan penghakiman, setiap alasan penghakiman hendaklah ditulis dengan jelas dan mudah difahami. Tidak perlu panjang tetapi tepat dan padat. Kita harus sedar bahawa penghakiman seseorang Hakim akan menjadi kayu pengukur terakhir yang merupakan satu rekod yang kekal untuk dirujuk, diteliti dan dianalisis. Ia merupakan khazanah ilmu yang akan menjadi rujukan.
14. Sehubungan dengan itu, amat penting bagi para hakim, dalam menyediakan alasan penghakiman, perlu berlandaskan kepada prinsip-prinsip perundangan yang betul. Tidak seharusnya berlaku kesilapan, terutamanya



bagi Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan kerana keputusan Mahkamah Atasan ini akan mengikat Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah.

15. Dengan ini, saya menyeru agar Hakim-Hakim senantiasa berusaha untuk meningkatkan lagi kualiti penulisan alasan penghakiman masing-masing supaya keyakinan masyarakat terhadap Badan Kehakiman bukan sahaja dapat dipertahankan malah dipertingkatkan.
  
16. Baru-baru ini saya telah melancarkan portal yang memuatkan alasan penghakiman Mahkamah. Melalui laman sesawang ***www.judgments.my***, orang ramai boleh secara permulaan mendapat akses penghakiman Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan secara percuma. Dengan itu, amatlah penting penghakiman kita mencapai mutu yang tinggi kerana ianya akan dibaca bukan sahaja di negara kita, Malaysia malah di seluruh dunia.

17. Menyadari akan harapan masyarakat terhadap setiap Hakim amatlah tinggi, maka marilah sama-sama kita berusaha mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan bekerja dengan lebih gigih dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita dengan jujur dan dedikasi dalam usaha kita memartabatkan Badan Kehakiman.

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

18. Pada kesempatan ini, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Ilahi, supaya Hakim-Hakim yang baharu dilantik ini, malah semua Hakim; diberi kekuatan, kecekalan dan kesungguhan untuk memikul tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita.
19. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Arif - Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman yang baharu disahkan jawatan sebagai Hakim Mahkamah Tinggi dan Yang Arif-Yang Arif yang dinaikkan pangkat ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.
20. Saya berharap, Yang Arif- Yang Arif semua, akan terus berusaha menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh

dan penuh tanggungjawab berpandukan kandungan **Sumpah Jawatan dan Taat Setia** yang Yang Arif-Yang Arif lafazkan sebentar tadi. Saya ucapkan selamat maju jaya di dalam karier Yang Arif-Yang Arif!

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.